A

BANG GIOK KIOM & YANG LAIN

lwn.

PP

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
KAMARDIN HASHIM PK
[SEMAKAN JENAYAH NO: MT4-43-05-2010]
22 JULAI 2010

C

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan - Perintah lucuthak - Perlucuthakkan vessel menangkap ikan - Pertuduhan mengguna kru warganegara asing dan menangkap ikan di taman laut tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan - Kru warganegara asing mengaku salah, disabit dan dihukum - Pemilik dan nakhoda vessel dibicara dan dilepas*

D

dan dibebaskan - Sama ada perintah lucuthak yang dibuat oleh Majistret betul, teratur dan sah - Akta Perikanan, ss. 8, 34, 43, 52 - Kanun Tatacara Jenayah, s. 323 - Kanun Keseksaan, s. 34

E

Ini adalah permohonan untuk menyemak keputusan Tuan Majistret kerana memerintahkan perlucuthakkan sebuah vessel menangkap ikan ('vessel') dan peralatan serta hasil ikan yang dirampas kepada Kerajaan Malaysia di bawah ss. 34 dan 52 Akta Perikanan 1985 ('Akta'). Fakta menunjukkan bahawa pemohon pertama, pemilik vessel, dituduh melakukan kesalahan di bawah s. 8(b) Akta kerana

F

menggunakan kru warganegara asing dan melanggar syarat lesen perikanan, sementara pemohon kedua dan ketiga, masing-masing nakhoda dan kru vessel, bersama-sama dengan 10 orang awak-awak warganegara Vietnam, dituduh melakukan kesalahan di bawah s. 43(1)(a) Akta dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan kerana

G

menangkap ikan di kawasan taman laut Pulau Besar tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia. Kesemua awak-awak Vietnam berkenaan telah mengaku salah dan dihukum sekadarnya. Pemohon-pemohon bagaimanapun tidak mengaku salah dan telah dibicarakan secara bersama. Di akhir kes pendakwaan, Tuan

H

Majistret mendapati tiada kes *prima facie* dibuktikan terhadap mana-mana pemohon, dan dengan itu telah melepas dan membebaskan pemohon-pemohon tanpa memanggil mereka untuk membela diri. Tuan Majistret, walau bagaimanapun, telah membuat perintah lucuthak seperti di atas. Di hadapan yang arif Pesuruhjaya Kehakiman, pemohon-pemohon berhujah bahawa perintah lucuthak

I

seperti yang dibuat oleh Tuan Majistret adalah salah dan tidak teratur. Menurut pemohon-pemohon, berdasarkan peruntukan s. 34 Akta, Tuan Majistret hanya mempunyai budibicara untuk membuat perintah lucuthak jika berpuashati bahawa: (i) satu kesalahan di bawah Akta telah dilakukan; dan (ii) barang-barang yang disita telah menjadi halperkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan tersebut. Dihujahkan bahawa dalam kes semasa, dengan pemohon-pemohon dilepas dan dibebaskan dari apa-apa kesalahan, maka tiada asas untuk Tuan Majistret membuat perintah lucuthak seperti yang dibuatnya. Dihujahkan selanjutnya bahawa Tuan Majistret juga telah *functus officio* semasa membuat perintah lucuthak. Pendakwaan berhujah bahawa tiada cacat celanya dengan perintah lucuthak yang dibuat oleh Tuan Majistret, memandangkan fakta kes seperti yang dikemukakan oleh pendakwaan di mahkamah ('P2') dan diakui benar oleh semua tertuduh warganegara Vietnam tersebut, menunjukkan dengan jelas bahawa satu kesalahan di bawah s. 43(1)(a) Akta telah berlaku.

Diputuskan (menolak permohonan; mengekalkan perintah lucuthak):

(1) Peruntukan yang terdapat di bawah ss. 34 dan 52 Akta adalah jelas. Sekiranya Tuan Majistret berpuashati bahawa satu kesalahan di bawah Akta telah berlaku dan bahawa vessel serta peralatan dan barang-barang yang dirampas dalam kes ini merupakan halperkara dalam kesalahan tersebut, maka satu perintah perlucuthakkan vessel dan barangan tersebut boleh dikeluarkan. (perenggan 22)

(2) Berdasarkan fakta kes P2 dan rekod asal prosiding, adalah jelas bahawa vessel telah menangkap haiwan akuatik iaitu timun laut (gamat) di dalam kawasan taman laut Pulau Besar tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia. Timun laut atau gamat termasuk di bawah definisi "ikan" di bawah Akta. Selanjutnya, semasa ditahan, pemohon kedua adalah nakhoda vessel, manakala pemohon ketiga dan 10 warganegara Vietnam adalah kru vessel. Selain itu, sejumlah 50 kilogram timun laut atau gamat telah dirampas dari vessel tersebut. Siasatan juga menunjukkan bahawa sepuluh orang awak-awak warganegara Vietnam tersebut tidak mempunyai sebarang permit sah untuk menjadi kru vessel. Fakta ini telah diakui oleh mereka bilamana mengaku salah kepada pertuduhan terhadap mereka. Ianya dengan itu jelas bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta. (perenggan 18)

A **(3)** Soal Tuan Majistret telah *functus officio* tidak berbangkit sama sekali. Perintah lucuthak tidak dikeluarkan oleh Tuan Majistret di peringkat yang lebih awal oleh kerana pemohon-pemohon telah tidak mengaku salah terhadap pertuduhan, yang bererti vessel dan barang-barang kes yang lain diperlukan untuk
B perbicaraan mereka. (perenggan 19)

(4) Keputusan kes *Teong Lung Chiong & Ors v. PP* (pengakuan dan percakapan beramaran seorang tertuduh tidak boleh digunakan untuk mensabitkan tertuduh yang lain) adalah tidak berkaitan
C dan di luar konteks. Dalam kes semasa, bukanlah pengakuan salah sepuluh warganegara Vietnam yang diambil kira oleh Tuan Majistret tetapi adalah fakta kes yang dibentangkan oleh pendakwaan yang menunjukkan suatu kesalahan telah berlaku dan bahawa vessel serta barang-barang kes tersebut adalah
D merupakan halperkara yang terlibat dan digunakan dalam melakukan kesalahan tersebut. Begitu juga, fakta pemohon-pemohon tidak disabitkan dengan pertuduhan tidak menjadi asas untuk perintah lucuthak memandangkan apa yang penting adalah Tuan Majistret berpuashati bahawa suatu kesalahan telah
E berlaku dan vessel serta barang-barang kes tersebut merupakan halperkara dalam kesalahan tersebut. Kesalahan yang berlaku tidak semestinya seseorang telah disabitkan dengan kesalahan tersebut. (perenggan 20)

F **(5)** Tuan Majistret telah melaksanakan kuasa budibicaranya dengan betul dalam memerintahkan perlucuthakkan vessel serta barangan yang dirampas dalam kes ini. Perintah Tuan Majistret tersebut adalah betul, sah dan teratur. Ianya dengan itu dikekalkan. (perenggan 22 & 23)

G **Kes-kes yang dirujuk:**
Ang Gin Lee v. PP [1991] 2 CLJ 857; [1991] 1 CLJ (Rep) 13 SC ***(refd)***
Hasanuddin Abd Hamid v. PP [2002] 3 CLJ 495 HC ***(refd)***
Insas Berhad & Anor v. Ayer Molek Rubber Company Berhad & Ors [1995] 3 CLJ 328 FC ***(refd)***
H *Juk De Sa v. PP [1975] 1 LNS 68* ***(refd)***
Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(refd)***
MPPP v. Syed Ahmad MM Ghouse Mohamed [2007] 1 MLJ 42 ***(refd)***
Ooi Chin Seng v. PP [1978] 1 LNS 136 HC ***(refd)***
PP lwn. Nasrun Effendi [2009] 3 CLJ 388 HC ***(refd)***
I *PP v. Ismail Yusof [1979] 1 LNS 75 FC* ***(refd)***
PP v. Lee Chin Chai [1974] 1 LNS 120 FC ***(not foll)***

PP v. Muhari Mohd Jani & Anor [1999] 8 CLJ 430 HC ***(refd)***
PP v. Narongne Sookpavit & Ors [1985] 1 LNS 20 HC ***(refd)***
PP v. Sai & Ors [1979] 1 LNS 80 HC ***(refd)***
PP v. Yuvaraj [1968] 1 LNS 116 PC ***(refd)***
PP v. Tang Cheng Chai [2010] 6 CLJ 231 HC ***(refd)***
PP v. Kulasingam [1974] 1 LNS 118 HC ***(refd)***
Teong Lung Chiong & Ors v. PP [2003] 2 CLJ 171 ***(dist)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, ss. 31, 35
Criminal Procedure Code, ss. 323, 324, 325, 326, 327
Fisheries Act 1985, ss. 25, 34, 43(1)(a), 52

Bagi pihak pemohon-pemohon - Rizal Chek Hashim; T/n Nik Rashid Syed Azimal Rizal & Jehan
Bagi pihak responden - Mirza Mohamad TPR

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim PK:

Permohonan Semakan

[1] Melalui surat Tetuan Nik Rashid Syed Azimal Rizal & Jehan, Peguambela dan Peguamcara bertarikh 6 April 2010 yang mewakili pemohon-pemohon di atas telah memohon kepada mahkamah ini agar satu semakan di buat terhadap perintah Tuan Majistret di mahkamah Majistret Mersing bertarikh 25 Mac 2010 yang memerintahkan sebuah vessel menangkap ikan bernombor pendaftaran JHF 5311T berserta peralatan dan hasil tangkapan ikan yang dirampas dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia. Permohonan ini dibuat selaras dengan peruntukkan di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

[2] Atas permohonan oleh mahkamah ini, segala rekod prosiding asal berkaitan pertuduhan terhadap pemohon-pemohon telah dikemukakan oleh mahkamah Majistret Mersing. Selain dari itu, satu rekod prosiding asal satu lagi kes terhadap pemohon-pemohon bersama-sama dengan sepuluh orang awak-awak warganegara Vietnam telah juga dikemukakan ke mahkamah ini. Kedua-dua kes terhadap pemohon pertama di bawah kes tangkap No: 83-233-2009

dan kes terhadap pemohon kedua dan pemohon ketiga serta sepuluh orang kru warganegara Vietnam di bawah kes tangkap No: 83-234-2009 adalah berkaitan dengan insiden yang sama iaitu telah menangkap ikan di perairan perikanan Malaysia dan melanggar syarat lesen apabila menggunakan awak-awak warga asing dengan tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia iaitu dua kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 25 dan 43 Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Pertuduhan

[3] Dalam kes tangkap No: 83-233-2009, pemohon pertama iaitu Bang Giok Kiom @ Pang Giok Kiom telah dihadapkan dengan satu pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 5/7/2009 jam lebih kurang 10.22 malam di atas vessel penangkapan ikan bernombor pendaftaran JHF 5311T di kedudukan Garis Lintang 02' 27.857' Utara dan Garis Bujur 103' 58.366' Timur pada jarak lebih kurang 0.5 Batu Nautika arah Barat dari Pulau Besar, Mersing, Johor di perairan perikanan Malaysia di dapati telah melanggar syarat lesen nombor siri A 036967 iaitu menggunakan kru warganegara asing seperti berikut:
>
> 1) Le Van Quang – warganegara Vietnam
> 2) Mai Van Quang – warganegara Vietnam
> 3) Nguyen Van Hoang – warganegara Vietnam
> 4) Mai Thanh Thu – warganegara Vietnam
> 5) Hoang Anh Sang – warganegara Vietnam
> 6) Pham Van Dai – warganegara Vietnam
> 7) Mai Xuan Dien – warganegara Vietnam
> 8) Nguyen Dinh Hoa – warganegara Vietnam
> 9) Mai Van Duy – warganegara Vietnam
> 10) Nguyen Duc Dung – warganegara Vietnam
>
> tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah Perikanan Malaysia. Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) dan boleh dihukum di bawah seksyen 25(b) Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

[4] Pemohon mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang di bacakan dan meminta supaya satu perbicaraan diadakan.

[5] Dalam kes tangkap No: 83-234-2009, pemohon kedua iaitu Foo Tong Hiew dan pemohon ketiga iaitu Pang Youk Seng bersama-sama dengan sepuluh orang lagi kesemuanya warganegara Vietnam telah dihadapkan dengan satu pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 5/7/2009 jam lebih kurang 10.22 malam di atas vessel penangkapan ikan bernombor pendaftaran JHF 5311T di kedudukan Garis Lintang 02' 27.857' Utara dan Garis Bujur 103' 58.366' Timur pada jarak lebih kurang 0.5 Batu Nautika arah Barat dari taman laut, Pulau Besar, Mersing, Johor di perairan perikanan Malaysia didapati sedang menangkap ikan tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah Perikanan Malaysia di bawah seksyen 43(2) Akta Perikanan 1985 (Akta 317). Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 43(1)(a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen 25(a) atau (b) Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

[6] Pemohon-pemohon mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan ini dan meminta satu perbicaraan diadakan. Manakala sepuluh orang warganegara Vietnam yang dituduh bersama-sama dengan pemohon-pemohon telah mengaku salah terhadap pertuduhan dan telah disabitkan atas pengakuan salah mereka tersebut. Setiap seorang daripada mereka yang mengaku salah tersebut telah dikenakan hukuman denda RM30,000 jika gagal enam bulan penjara. Pemohon-pemohon yang tidak mengaku salah telah dibebaskan dengan jaminan sebanyak RM8,000 setiap seorang dengan seorang penjamin sementara menunggu perbicaraan.

[7] Berdasarkan kepada rekod prosiding, atas permohonan Puan Timbalan Pendakwa Raya, kedua-dua kes telah diarahkan oleh Tuan Majistret supaya dibicarakan secara bersama (joint trial).

Keputusan Tuan Majistret

[8] Seramai 17 orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan bagi membentangkan kes pihak pendakwaan terhadap pemohon-pemohon disini termasuk enam orang saksi dari kalangan sepuluh orang kru warganegara Vietnam tersebut. Di akhir kes pendakwaan, pemohon-pemohon telah dibebas dan dilepaskan tanpa dipanggil untuk membela diri mereka atas pertuduhan-pertuduhan yang dihadapkan. Tuan Majistret memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap ketiga-tiga pemohon disini. Walau bagaimanapun, Tuan Majistret

A telah memerintahkan vessel, peralatan menangkap ikan termasuk hasil tangkapan dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia. Perintah Tuan Majistret tersebut dibuat berdasarkan kepada peruntukkan di bawah s. 34 dan s. 52 Akta Perikanan 1985.

B **[9]** Tiada apa-apa notis rayuan difailkan oleh pihak pendakwaan terhadap perintah pembebasan pemohon-pemohon oleh Tuan Majistret dalam kes ini. Tiada juga notis rayuan difailkan oleh pemohon-pemohon terhadap perintah perlucuthakkan vessel dan lain-lain barang kes yang diperintahkan oleh Tuan Majistret.
C Sebaliknya, pemohon-pemohon telah memfailkan permohonan untuk semakan di mahkamah ini terhadap perintah perlucuthakkan tersebut.

Hujahan Peguambela Pemohon-Pemohon

D **[10]** Peguambela terpelajar bagi pemohon-pemohon berhujah bahawa Tuan Majistret telah gagal untuk menyatakan atas dasar apa barang-barang kes berkenaan telah dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia menjadi halperkara dalam kesalahan dan Tuan Majistret dikatakan telah gagal untuk menyatakan apakah kesalahan
E yang telah dilakukan menggunakan barang-barang kes yang dirampas tersebut. Peguambela telah merujuk kepada peruntukkan di bawah s. 34 Akta Perikanan 1985 yang memberikan kuasa kepada mahkamah untuk melucuthakkan vessel dan lain-lain barang kes yang menjadi halperkara dalam melakukan kesalahan di bawah
F Akta walaupun tiada mana-mana orang telah disabitkan dengan kesalahan tersebut. Dihujahkan oleh peguambela bahawa Tuan Majistret mempunyai budibicara untuk membuat satu perintah perlucuthakkan sekiranya beliau berpuashati tentang wujudnya dua perkara berikut, iaitu:

G

(a) suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan; dan

(b) barang-barang yang disita telah menjadi hal perkara (subject-matter) atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan tersebut.

H

[11] Peguambela berhujah bahawa perkataan "may" telah digunakan di bawah peruntukan tersebut membawa maksud tidak mandatori untuk perintah perlucuthakkan di keluarkan oleh Tuan Majistret. Peruntukan yang sama juga telah menggunakan perkataan-
I perkataan bahawa mahkamah telah berpuashati suatu kesalahan di bawah Akta telah dilakukan. Dihujahkan bahawa perkataan "memuaskan hati mahkamah" menuntut suatu tahap pembuktian pada tahap

melampaui keraguan yang munasabah bagi kes-kes yang melibatkan suatu pertuduhan jenayah. Dalam kes ini, Tuan Majistret telah mendapati pihak pendakwaan telah gagal untuk membukikan kes *prima facie* terhadap pemohon-pemohon dan pemohon-pemohon telah dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri. Oleh itu tiada apa-apa kesalahan telah berlaku, namun Tuan Majistret telah memerintahkan vessel serta lain-lain barang kes dirampas dan dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia.

[12] Peguambela berhujah perintah perlucuthakkan oleh Tuan Majistret adalah salah dan memohon agar mahkamah ini membetulkan perintah tersebut. Bagi menyokong hujahannya, peguambela terpelajar telah bergantung kepada nas-nas berikut:

(a) *Insas Berhad & Anor v. Ayer Molek Rubber Company Berhad & Ors* [1995] 3 CLJ 328;

(b) *PP v. Lee Chin Chai* [1974] 1 LNS 120;

(c) *PP v. Yuvaraj* [1968] 1 LNS 116 PC;

(d) *PP v. Tang Cheng Chai* [2010] 6 CLJ 231;

(e) *MPPP v. Syed Ahmad a/l MM Ghouse Mohamed* [2007] 1 MLJ 42;

(f) *Teong Lung Chiong & Ors v. PP* [2003] 2 CLJ 171;

(g) *PP v. Kulasingam* [1974] 1 LNS 118;

(h) *Ang Gin Lee v. PP* [1991] 2 CLJ 857; [1991] 1 CLJ (Rep) 13; dan

(i) *Hasanuddin bin Abd Hamid v. PP* [2002] 3 CLJ 495.

Hujahan Responden

[13] Puan Mirza bt Mohamad, TPR dari Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia berhujah bahawa pada 16 Julai 2009, pemohon kedua dan pemohon ketiga telah dihadapkan bersama-sama dengan sepuluh orang kru warganegara Vietnam dengan satu pertuduhan di bawah Akta kerana menangkap ikan dalam perairan Malaysia dengan tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan. Seramai sepuluh orang warganegara Vietnam tersebut telah mengaku salah kepada pertuduhan. Fakta kes (P2) telah dikemukakan dan diakui oleh

A sepuluh tertuduh tersebut. Mereka kemudiannya telah disabitkan dan dihukum. Daripada fakta kes P2 yang telah diakui oleh sepuluh tertuduh tersebut, menunjukkan satu kesalahan di bawah s. 43(1)(a) Akta telah berlaku. Oleh itu, walaupun tiga pemohon disini telah dibebaskan, Tuan Majistret boleh menggunakan
B peruntukkan di bawah s. 34 dan 52 Akta untuk memerintahkan perlucuthakkan vessel serta lain-lain barang kes yang dirampas. Puan TPR telah merujuk kepada keputusan dalam kes *PP v. Ismail bin Yusof* [1979] 1 LNS 75; *PP v. Sai & Ors* [1979] 1 LNS 80 dan *Ooi Chin Seng v. PP* [1978] 1 LNS 136.

C **[14]** Puan TPR seterusnya telah merujuk kepada s. 34 Akta yang mana memperuntukkan kuasa Tuan Majistret untuk membuat perintah perlucuthakkan barang-barang kes yang dirampas walaupun pemohon-pemohon tidak disabitkan dengan kesalahan
D yang dipertuduhkan sekiranya mahkamah berpuashati bahawa suatu kesalahan di bawah Akta telah berlaku. Melalui pengakuan salah sepuluh kru vessel JHF 5311T serta fakta kes yang dikemukakan telah menunjukkan satu kesalahan di bawah Akta telahpun dilakukan. Oleh itu perintah perlucuthakkan oleh Tuan
E Majistret adalah teratur, sah dan betul. Puan TPR telah merujuk kepada nas-nas *PP v. Narongne Sookpavit & Ors* [1985] 1 LNS 20; *Juk De Sa v. PP* [1975] 1 LNS 68 dan *PP lwn. Nasrun Effendi* [2009] 3 CLJ 388.

Bidangkuasa Semakan

F **[15]** Bidangkuasa semakan yang diberikan kepada mahkamah ini adalah seperti yang diperuntukkan di bawah s. 323 hingga 327 KTJ dan s. 31 dan 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Peruntukkan-peruntukkan tersebut diatas telah memberikan kuasa yang cukup luas bagi menentukan sama ada keputusan mahkamah
G bawahan jenayah itu betul, mengikut undang-undang atau bersesuaian mengenai keputusan, hukuman atau perintah yang dibuat serta samada teraturnya sesuatu prosiding mahkamah bawahan itu. Prosedur mengenai semakan telah dihuraikan dengan
H panjang lebar dalam kes *PP v. Muhari Mohd Jani & Anor* [1999] 8 CLJ 430 dan *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163. Dalam kes *Muhari*, Yang Arif Hakim KC Vohrah (ketika itu) telah memutuskan seperti berikut:

> I Having set out the statutory provisions, it behoves the court to examine the relevant case law. In *PP v. Kulasingam* [1974] 1 LNS 118; [1974] 2 MLJ 26, Hashim Yeop A Sani J (as he then was) stated the essence of what the High Court should have in mind when considering a revision (at the same page):

The powers of the High Court in revision are amply provided under s. 325 of the Criminal Procedure Code subject only to sub-ss (ii) and (iii) thereof. The object of revisionary powers of the High Court is to confer upon the High Court a kind of 'paternal or supervisory jurisdiction' in order to correct or prevent a miscarriage of justice. In a revision the main question to be considered is whether substantial justice has been done or will be done and whether any order made by the lower court should be interfered with in the interest of justice.

Pandangan Dan Keputusan Mahkamah

[16] Hanya satu isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini iaitu samada perintah Tuan Majistret dalam melucuthakkan vessel serta lain-lain barang dalam kes ini sah, betul dan teratur menurut peruntukkan yang terdapat di bawah Akta Perikanan 1985. Sebelum kita pergi jauh, eloklah terlebih dahulu diperturunkan dua peruntukan penting berkaitan kuasa dan perintah perlucuthakkan yang terdapat di bawah Akta tersebut.

[17] Seksyen 34 dan 52 Akta memperuntukkan seperti berikut:

34. Court may order forfeiture of seized vessel, etc., in certain circumstances

Where it is proved to the satisfaction of a court that any vessel, vehicle, article or thing seized under this Act was the subject-matter of, or was used in the commission of, an offence under this Act, the court may order the forfeiture of such vessel, vehicle, article or other thing notwithstanding that no person may have been found guilty of such offence.

52. Forfeiture and disposal of vessel etc.

(1) Where any person is found guilty of any offence:

(a) under section 8(a), 11(3),15(1) or 26; and

(b) for the contravention of any condition of licence relating to permitted fishing areas under the licence,

the court shall, in addition to any other penalty that may be imposed:

(i) order that the vessel (including its equipment, furniture, appurtenances, stores, cargo and fishing appliance), vehicle, article or thing used in the commission of such offence or in relation to which such offence has been committed be forfeited; and

A (ii) order that any fish caught in the commission of such offence or the proceeds of the sale of any fish or other article of a perishable nature referred to in section 48, and any explosive, poison, pollutant, apparatus or prohibited gear used or intended to be used in the commission of such offence be forfeited.

B (2) Any vessel (including its equipment, furniture, appurtenances, stores, cargo and fishing appliance), vehicle, article, thing, explosive, poison, pollutant, apparatus, prohibited gear or fish ordered to forfeited under subsection (1) or deemed or ordered to be forfeited under section 49 shall be disposed of in such manner as the Director-General may think fit and consistent with any scheme for the limitation of fishing effort.

[18] Daripada fakta kes P2 yang disertakan bersama rekod asal prosiding menunjukkan bahawa vessel JHF 5311T telah menangkap D haiwan akuatik iaitu timun laut (gamat) di dalam kawasan taman laut Pulau Besar dengan tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia. Timun laut atau gamat termasuk di bawah definisi "ikan" bagi maksud Akta. Semasa ditahan, pemohon kedua adalah merupakan nakhoda vessel tersebut manakala pemohon E ketiga bersama sepuluh orang warganegara Vietnam adalah merupakan kru vessel tersebut. Sejumlah 50 kilogram timun laut telah dirampas daripada vessel tersebut dan telah dilelong dengan harga RM50. Siasatan juga mendapati sepuluh orang warganegara Vietnam yang ditahan tidak mempunyai sebarang permit yang sah F untuk menjadi kru di atas vessel JHF 5311T tersebut. Fakta kes ini telah diakui oleh sepuluh warganegara Vietnam yang mengaku salah kepada pertuduhan dalam kes tangkap 83-234-2009. Jelas daripada fakta kes bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta.

G

[19] Pemohon kedua yang menjadi nakhoda kepada vessel JHF 5311T tersebut dan pemohon ketiga yang merupakan salah seorang kru dalam vessel tersebut tidak mengaku salah terhadap pertuduhan yang sama dalam kes tangkap 83-234-2009 tersebut. Oleh itu H perintah perlucuthakkan telah tidak dikeluarkan oleh Tuan Majistret pada peringkat tersebut memandangkan vessel dan barang-barang kes yang lain diperlukan untuk perbicaraan terhadap pemohon kedua dan pemohon ketiga yang merupakan tertuduh pertama dan tertuduh kedua dalam kes 83-234-2009 tersebut. Ini sekaligus menjawab I hujahan balas peguambela terpelajar yang berhujah Tuan Majistret telah *functus officio* apabila mengeluarkan perintah perlucuthakkan

pada tarikh yang terkemudian selepas membebaskan tiga pemohon disini. Adalah tidak berasas hujahan peguambela tersebut memandangkan kes 83-234-2009 masih belum diselesaikan sepenuhnya terhadap dua lagi tertuduh iaitu pemohon kedua dan pemohon ketiga disini. Kes tersebut hanya diputuskan sepenuhnya pada 25 Mac 2010 setelah perbicaraan penuh diadakan dan Tuan Majistret telah membebaskan pemohon kedua dan pemohon ketiga daripada pertuduhan dalam kes 83-234-2009 tersebut. Perbicaraan terhadap kedua-dua pemohon ini telah dibicarakan secara bersama dengan kes 83-233-2009 terhadap pemohon pertama yang merupakan tuanpunya vessel JHF 5311T tersebut. Dalam kes ini, pemohon pertama telah turut dibebaskan daripada pertuduhan. Prinsip *functus officio* ini telah dihuraikan dengan panjang lebar oleh Mohd Zawawi Salleh PK dalam kes *PP lwn. Nasrun Effendi (supra)* dan saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh YA PK tersebut.

[20] Keputusan kes *Teong Lung Chiong & Ors v. PP (supra)* yang dipetik oleh peguambela terpelajar tidak berkaitan dan diluar konteks. Prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes tersebut adalah berkaitan dengan pengakuan dalam percakapan beramaran tidak boleh digunakan untuk mensabitkan tertuduh yang lain. Dalam kes kita, bukanlah pengakuan salah sepuluh warganegara Vietnam yang diambil kira oleh Tuan Majistret tetapi adalah fakta kes yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan yang menunjukkan suatu kesalahan telah berlaku dan bahawa vessel serta barang-barang kes tersebut adalah merupakan halperkara yang terlibat dan digunakan dalam melakukan kesalahan tersebut. Begitu juga fakta pemohon-pemohon tidak disabitkan dengan pertuduhan tidak menjadi asas untuk perintah perlucutan memandangkan apa yang penting adalah Tuan Majistret telah berpuashati bahawa suatu kesalahan telah berlaku dan vessel serta barang-barang kes tersebut merupakan halperkara dalam kesalahan tersebut. Ini bermakna kesalahan yang berlaku tidak semestinya seseorang telah disabitkan dengan kesalahan tersebut. Begitu juga kes *PP v. Lee Chin Chai (supra)* yang dipegang oleh peguambela terpelajar tidak lagi boleh digunapakai oleh kerana telah diakas oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes yang diputuskan terkemudian iaitu *PP v. Ismail bin Yusof (supra)* oleh Suffian LP. Dalam kes *PP v. Narongne Sookpavit & Ors (supra)* telah diputuskan oleh YA Hakim Shankar seperti berikut:

> ... the boat and the fishing appliances were the subject matter of the offence and notwithstanding that no person was convicted of such offence in the Court below, an order of forfeiture should have been made.

A **[21]** Dalam kes *Ooi Chin Seng v. PP (supra)* telah diputuskan oleh Hashim Yeop Sani (ketika itu) bahawa peruntukkan yang spesifik yang terdapat di bawah Akta Perikanan 1963 adalah terpakai mengatasi peruntukkan yang terdapat di bawah Kanun Prosedur Jenayah berkaitan perintah perlucuthakkan di bawah Akta tersebut.
B Oleh itu hujahan peguambela bahawa perlu ada satu penyiasatan yang lain sebelum perintah perlucuthakkan boleh dibuat oleh Tuan Majistret juga adalah tidak berasas.

[22] Pada pandangan saya, peruntukkan yang terdapat di bawah
C s. 34 dan s. 52 Akta Perikanan 1985 adalah merupakan peruntukkan yang amat jelas, tanpa sebarang kekaburan. Sekiranya Tuan Majistret telah berpuashati satu kesalahan di bawah Akta telah berlaku dan bahawa vessel JHF 5311T serta peralatan dan barang-barang yang dirampas dalam kes ini merupakan halperkara
D dalam kesalahan tersebut maka satu perintah perlucuthakkan vessel dan barangan tersebut boleh dikeluarkan. Dalam kes ini, setelah meneliti rekod-rekod asal prosiding serta setelah mendengar hujahan kedua belah pihak, saya mendapati Tuan Majistret telah melaksanakan kuasa budibicaranya dengan betul dalam
E memerintahkan perlucuthakkan vessel serta barangan yang dirampas dalam kes ini. Perintah Tuan Majistret tersebut adalah betul, sah dan teratur.

[23] Atas alasan-alasan yang dinyatakan diatas, saya menolak
F pemohonan pemohon-pemohon untuk membatalkan perintah perlucuthakkan yang dibuat oleh Tuan Majistret dalam kes ini. Perintah perlucuthakkan tersebut dengan ini adalah dikekalkan.

G

H

I